

JAN 2024 / BIL. 10 / 2024

EON

Epitome of Nature

K E S I H A T A N D A N K E S E J A H T E R A A N



MAJALAH PP BIOLOGI
UITMCNS

ISSN 2773-5869



PHD- KISAH SEBUAH MIMPI YANG JADI REALITI

Noor Azrimi Bin Umor
Pusat Pengajian Biologi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan,
Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

noorazrimi@uitm.edu.my

EDITOR: MU'ADZ AHMAD MAZIAN

PHD- Kisah sebuah mimpi yang jadi realiti

Saya niatkan penulisan ini menjadi motivasi untuk setiap insan yang bercita-cita menggapai ijazah PHD. Berani bermimpi dan terus berusaha mencapainya, dengan izinNYA tiada yang mustahil.

Ilmu suluh hidup

Dibesarkan didalam sebuah keluarga yang sederhana dengan keperluan yang sekadar mencukupi. Saya bersekolah rendah di sekolah kecil terletak di luar bandar di Kemaman. Sedari kecil saya dimotivasikan untuk belajar dengan bersungguh-sungguh supaya dapat keluar dari kepompong kehidupan yang sukar. Alhamdulillah saya bersyukur mendapat peluang tersebut melalui keputusan UPSR yang cemerlang dengan tawaran persekolahan di SBP iaitu Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud. Pengalaman yang cukup mendewasakan di SBP di Kuala Terengganu telah menyediakan saya dengan impian yang lebih tinggi melalui kecemerlangan akademik. Tidak berpaling lagi, ruang

terbuka untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai dan mencapai ijazah sarjana muda dan sarjana pada tahun 2004 dan 2009. Impian anak seorang buruh kasar untuk menjadi pensyarah

tercapai pada tahun 2010 setelah ditawarkan jawatan pensyarah UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya

Memulakan kerjaya sebagai pensyarah merupakan dunia baru buat saya dan tempoh 3 tahun pertama berlalu sangat pantas dengan begitu banyak pelajaran yang ditempuhi. Ketika usia perkhidmatan mencapai 5 tahun dan melihat rakan-rakan seorang demi seorang memulakan pengajian PHD maka terdetik didalam hati ini, bilakah masaku akan tiba? Peluang PHD agak terhad di UiTM dengan slot yang perlu direbut oleh



Gambar 1: Gambar konvokesyen penulis bersama keluarga (Sumber: Koleksi peribadi penulis)



Gambar 2: Gambar konvokesyen penulis bersama SV Dr. Sumaiyah (kiri sekali) (Sumber: Koleksi peribadi penulis)

pensyarah seluruh sistem. Walaupun begitu, selagi tidak mencuba selagi itu peluang tidak kunjung tiba. Maka buat pertama kali, saya mengemukakan permohonan untuk melanjutkan pelajaran menerusi biasiswa SLAB pada tahun 2016. Ketika mendapat panggilan dari pihak pentadbiran UiTM Cawangan menyatakan permohonan saya tidak disokong, seperti satu pukulan kepada diri ini. Kecewa dengan keputusan tersebut maka saya terus membuat keputusan untuk memohon biasiswa luar dan tidak bergantung kepada kuota UiTM. Maka bermula episod baru pencarian peluang biasiswa melalui laman sesawang, rakan-rakan dan lain-lain cara. Saya mengiratkan kurang 10 permohonan biasiswa,

pengajian PHD telah dibuat. Belanda, Belgium, New Zealand, Australia, Arab Saudi Korea Selatan dan UTM Skudai antara destinasi PHD yang cuba diteroka. Akhirnya pada hujung tahun 2017, saya telah memohon biasiswa SEARCA untuk pengajian PHD di Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk pengajian pada tahun 2018. Ironinya UPM yang merupakan suatu destinasi yang tidak pernah difikirkan sebelum ini, akhirnya membuka peluang untuk perjalanan PHD yang dimulakan pada 8 September 2018.

Agi idup agi ngelaban

Pengalaman mengharungi pengajian sarjana melalui mod penyelidikan banyak membantu menetapkan perjalanan PHD saya. Sentiasa

saya sematkan bahawa saya bekerja dan bukan belajar PHD. Maksudnya saya bukan bercuti belajar sebaliknya bekerja tetapi dalam mod pengajian PHD. `Mindset` ini telah saya bina sejak pengajian sarjana lagi. Jadi setiap proses pengajian PHD perlu dilalui dengan penuh tanggungjawab dan meletakkan hasil sebagai kayu ukur. Alhamdulillah melalui sistem sokongan jawatankuasa penyeliaan UPM, setiap keperluan pengajian PHD diharungi dengan jayanya. UPM menyediakan pelajar-pelajar pascasiswazahnya dengan kursus-kursus yang memerlukan komitmen juga ketekunan untuk diselesaikan. Secara peribadi, kursus-kursus ini memberi banyak manfaat dan ilmu baru yang sehingga kini saya gunakan di UiTM walaupun pada awalnya kelihatan agak berat mengambil kira projek penyelidikan yang perlu diberi keutamaan. Namun akhirnya saya kira sangat berbaloi kerana ilmu yang diterima sangat berguna. Terima kasih UPM atas pelajaran yang diberikan.

Langkah pertama sentiasa terpalang sukar

Projek PHD saya sebenarnya lebih banyak dijalankan di Agensi Nuklear Malaysia, Bangi, berbanding UPM. Ini melalui bantuan dari salah seorang penyelia saya iaitu Dr. Azhar Mohamad. Melalui beliau juga saya mengenali penyelia utama saya iaitu ProfDr. Tengku Mahmud dan Dr. Sumaiyah dari UPM. Sebenarnya ada cerita menarik berkaitan penyelia PHD UPM ini. Prof. Dr. Tengku Mahmud

yang menjadi penyelia utama pada awal pengajian namun telah mengundur diri pada semester ke dua pengajian saya kerana beliau ingin bersara. Agak terkejut juga untuk saya menghadapi isu ini. Namun melalui bantuan beliau, saya berjaya lulus pembentangan kertas cadangan penyelidikan peringkat fakulti pada semester 1. Beliau juga telah aturkan penyelia pengganti iaitu Dr. Sumaiyah yang merupakan seorang yang berpengalaman dan berkepakaran di dalam bidang cendawan. Proses penggantian ini telah berjalan lancar. Walaubagaimanapun bak kata pepatah `ku sangkakan panas hingga ke petang, rupanya hujan di tengahari` Dr. Sumaiyah pula telah mendapat peluang untuk menyambung pengajian post-doktoral di Kanada selama 8 bulan. Jadi tinggal lah saya di UPM bersama penyelia yang lain. Inilah juga penyebabnya saya banyak luangkan masa di Agensi Nuklear Malaysia untuk proses pengumpulan data PHD. Di sini saya mendapat akses ruang yang eksklusif dan juga khidmat nasihat pakar benih cendawan juga iaitu Dr. Azhar sendiri. Buat pengetahuan semua, projek PHD saya merupakan kajian berkaitan penanaman cendawan *Volvariella* dan manfaat sisanya. Antara pencetus kepada kajian ini dibuat adalah kerana tiadanya kaedah yang komersil serta mudah bagi penanaman cendawan ini di Malaysia. Tambahan pula kajian tentang sisa penanaman cendawan ini juga sangat kurang dijalankan.

Saya sendiri sebelum memulakan pengajian PHD ini telah berpengalaman menanam cendawan ini selama 3 semester di UiTM bersama Kaedah konvensional yang diajar oleh pakar di Malaysia masih bersifat kurang praktikal pelajar-pelajar diploma. Kaedah konvensional yang diajar oleh pakar di Malaysia masih bersifat kurang praktikal dari segi keperluan tenaga buruh dan kos pengangkutan bahan substrat.



Gambar 3: Bongkah cendawan *Volvariella* matang (Sumber: Koleksi peribadi penulis)

Jadi persoalan-persoalan ini yang cuba dijawab melalui kajian PHD saya.

Gagal merancang beerti merancang untuk gagal

Ketika sedang rancak dengan eksperimen dan pengumpulan data, negara dikejutkan dengan wabak pandemik Covid-19 pada tahun 2020. Semua orang maklum dengan apa yang berlaku. Kekangan perjalanan dan akses ke universiti juga terhad. Ini menyebabkan kemajuan penyelidikan dan pengajian PHD turut terjejas bahkan terhenti. Jadi apa yang boleh dibuat waktu ini, itulah

persoalannya. Jadi apa yang boleh dibuat ketika itu adalah membuat penulisan menggunakan data sedia ada. Sepanjang musim Covid saya berjaya terbitkan 2 artikel yang berkualiti iaitu jurnal Q2 dan Q3. Penulisan tesis PHD juga secara rasminya dimulakan pada waktu ini. Untuk melancarkan proses pengumpulan data, saya mengupah kontraktor untuk siapkan rumah cendawan khas di rumah saya sendiri. Jadi semua eksperimen penanaman cendawan boleh dilakukan dirumah sendiri dan tidak menjadi isu lagi. Benarlah ungkapan masa itu emas, sedar tak sedar tempoh tiga tahun juga hampir berakhir. Pada 26 September 2021 saya kembali ke UiTM dan bekerja seperti biasa dengan perjuangan PHD yang masih belum selesai. Jadi strategi untuk menamatkan pengajian perlu diatur rapi demi memastikan tidak kecundang. Saya telah menjalankan eksperimen dengan bantuan sokongan fasiliti di UiTM dan sokongan pelajar-pelajar tahun akhir, pelajar latihan industri, staf makmal dan rakan pensyarah. Terima kasih semua.

PHD is a lonely journey?

Ramai yang berkata `PHD is a lonely journey`. Saya bersetuju untuk perkara ini hanya dari satu segi, iaitu secara akademik. Maksudnya, PHD adalah pengajian yang bersifat khusus iaitu kepada pelajar

tersebut, itu sahaja. Selain itu, pengembaraan ini sentiasa akan dipenuhi dengan watak dan individu yang menjadi

pelengkap kepada perjalanan kembara ini. Saya mengenali Dr. Ridzuan dari MPOB dan staf-stafnya yang sangat membantu dan tidak berkira atas setiap yang dipinta. Pihak industri EcoBed, En. Ahmad, En. Zaim dan En Salihin di Puchong yang juga menyokong penyelidikan ini. Tidak dilupakan pelajar-pelajar latihan industri dari UTM dan UMS yang turut saya selia bersama di Agensi Nuklear Malaysia. Rakan-rakan pengajian di UPM juga yang sentiasa saling menyokong. Semua ini menjadi resepi kejayaan saya mengharungi. Satu tips untuk segar dan kurang stress dalam pengajian ialah luangkan masa bercerita tentang PHD kepada sesiapa yang sudi mendengar. Ingatlah ianya cerita anda dan kongsilah kepada yang sudi mendengar, sentiasa ada manfaat kerananya.



Gambar 4: Penulis ketika menghadiri sesi konvokesyen di UPM (Sumber: Koleksi peribadi penulis)

Sabar itu indah

Proses untuk viva-voce juga satu perkara yang boleh menguji kesabaran disebabkan oleh borang yang pelbagai dan prosedur-prosedur yang perlu dituruti. Namun itulah keperluan yang perlu dituruti demi mencapai ijazah tertinggi ini. Akhirnya berkat kesabaran dan ketabahan ini, saya telah layak untuk ke proses penilaian terakhir dalam pengajian PHD ini pada 29 September 2022. Alhamdulillah, saya telah dipermudahkan dan diberi kelancaran didalam sesi tersebut yang berlangsung lebih kurang 1 jam 30 minit dengan keputusan lulus dengan pembetulan minor. Sangat mengujakan serta seperti terlepas dari satu beban yang sangat besar. Berdasarkan pengalaman sepanjang proses viva-voce, saya dapat rumuskan beberapa perkara utama:

1. Umum- apakah yang menyebabkan kajian ini dijalankan. Justifikasi dan juga pernyataan masalah kajian merupakan antara huraian jawapan saya.
2. Tesis dari muka ke muka. Saya perlu menjawab semua persoalan penyemak untuk setiap perkataan yang ditulis yang menurut penyemak janggalatau perlu penjelasan lanjut. Alhamdulillah untuk bahagian ini banyak komen adalah dari bab pengenalanliteratur. Sedikit sahaja komen untuk bab metodologi kajian.
3. Lain-lain – tambahan kepada tesis dan isu-isu seperti format

Manisnya sebuah kejayaan

Sepanjang tempoh PHD saya



Gambar 5: Gambar konvokesyen penulis bersama ibu (Sumber: Koleksi peribadi penulis)

berpeluang melakukan banyak perkara baru dan meneroka ilmu baru. Saya diberi peluang menghadiri 8 persidangan konferensi akademik, latihan penyelidikan di luar negara dan peluang ucap tama konferensi antarabangsa. Berfikir, merancang, melaksana dan menulis secara kritis dalam bentuk penulisan artikel dan tesis merupakan antara bentuk latihan terpenting dalam pengajian PHD ini. Secara peribadi saya berpendapat kejayaan menggapai PHD adalah satu amanah dari Allah. Ia bukanlah untuk dibanggakan atau dimegahkan bahkan ia adalah sebuah tanggungjawab untuk berbakti sementara lagi bila mana pengajian ini ditanggung oleh duit biasiswa. Semoga anugerah PHD ini menjadikan diri ini lebih berbakti dan berbudi kepada agama, institusi, bangsa dan negara. Semoga ianya juga menjadi peluang untuk lebih dekat dengan Illahi.